

Perkembangan Jamaah Tabligh di Malaysia, 1970–1990-an

Tablighi Jamaat's Development in Malaysia, 1970–1990s

KHAIRIN SHAREP

Department of History, Faculty of Human Sciences, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia
ayin.jht@gmail.com

Published online: 20 April 2018

To cite this article: Sharep, K. 2018. Perkembangan Jamaah Tabligh di Malaysia, 1970–1990-an. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* 25(1): 115–140, <https://doi.org/10.21315/kajh2018.25.1.6>

To link to this article: <https://doi.org/10.21315/kajh2018.25.1.6>

Abstrak. Jamaah Tabligh merupakan komponen dakwah yang signifikan dalam mengembangkan ajaran Islam di Malaysia. Penyertaan sebahagian Muslim Melayu dalam Jamaah Tabligh pada tahun 1970-an memberi petunjuk bahawa kedudukan Islam mula diberi perhatian secara meluas berbanding sebelumnya. Sehubungan itu, makalah ini membincangkan latar belakang dan cabaran yang dihadapi oleh Jamaah Tabligh dalam menggerakkan dakwah pada tahun 1970-an hingga 1990-an. Temu bual yang dijalankan terhadap ahli dan bekas ahli Tabligh menunjukkan bahawa ajaran Islam yang diterapkan dalam Tabligh adalah relevan dengan kehendak Muslim di Malaysia sebagai manifestasi kepada kehidupan yang lebih mementingkan nilai beragama. Kemantapan Jamaah Tabligh melaksanakan usaha dakwah menyebabkan pemerintah dan masyarakat Melayu membangkitkan isu yang mencabar kredibiliti jamaah tersebut berdasarkan laporan agensi berkaitan serta liputan akhbar tempatan. Justeru, kajian ini menilai respons Jamaah Tabligh mengatasi dakwaan yang dilemparkan dalam posisi defensif sebagai strategi penerusan dakwah mereka.

Kata kunci dan frasa: Jamaah Tabligh, organisasi, cabaran, Muslim, dakwaan

Abstract. *Tablighi Jamaat is a significant missionary movement towards disseminating of Islamic teaching in Malaysia. Participation of some Malay Muslim in Tablighi Jamaat in the 1970s demonstrated that Muslims were more concerned about Islam prior to that period. Hence, this paper discusses the background and challenges faced by the Tablighi Jamaat in the 1970s–1990s. Interviews were conducted with members and former members of Tabligh revealing that Islam adopted by Tabligh is relevant for Muslims in Malaysia as a manifestation of the life that is more concerned with religious values. The strength of Tablighi Jamaat in implementing the Islamic mission caused both the government and Malay society to raise issues challenging their credibility based on reports published by civil agencies and local newspapers. This study appraises the defensive response by Tablighi*

Jamaat to resolve the allegations placed upon them as their strategy in perpetuating their preaching mission.

Keywords and phrases: *Tablighi Jamaat, organisation, challenges, Muslim, allegation*

Pengenalan

Keupayaan Jamaah Tabligh Malaysia menggerakkan dakwah pada tahun 1970-an berkait rapat dengan komitmen Muslim yang tidak konsisten berhubung kedudukan Islam sebelum tempoh tersebut. Hal ini kerana pada awal abad ke-20 sehingga tahun 1969, fahaman Islam dicorakkan oleh pihak yang berbeza, iaitu pemerintah (kolonial dan raja), golongan agama dan pertubuhan tertentu. Apabila orang Melayu dapat memerintah negara, Islam dianggap masih dalam lingkungan sekularisme ekoran pemerintahan kolonial mempengaruhi gaya pentadbiran aristokrat Melayu.

Kebimbangan masyarakat terhadap nilai sekular hanya menonjol apabila berlakunya kebangkitan Islam yang digerakkan oleh komponen dakwah seperti Jamaah Tabligh. Makalah ini bertujuan melihat latar belakang dan cabaran yang dihadapi oleh Jamaah Tabligh antara tahun 1970-an hingga 1990-an. Tempoh ini dipilih berdasarkan realiti masyarakat Muslim Malaysia yang kian mementingkan peranan Islam melalui kecenderungan komponen dakwah yang mereka yakini. Ia diharapkan dapat memberi pemahaman berhubung ajaran serta prinsip Tabligh untuk menyebarkan dakwah berikutan persekitaran masyarakat ketika itu dianggap sebagai *society like the west* (Kahn 2003, 147). Malah, dasar kawalan terhadap agama Islam oleh pemerintah di Malaysia memperlihatkan cubaan menyekat dakwah Tabligh tanpa mengambil kira respons atau pendirian ajaran mereka.

Muslim¹ di Malaysia pada Awal Abad ke-20 hingga Tahun 1970

Perkembangan sejarah masyarakat Melayu pada awal abad ke-20 hingga tahun 1970 adalah dinamik. Perbincangan tentang sejarah politik memperlihatkan semangat kebangsaan “Melayu” telah menggantikan elemen ukhuwah Islamiah yang dibawa oleh golongan Kaum Muda (Abdul Aziz 2000, 195–197). Kajian berhubung sejarah sosial masyarakat pula memperlihatkan penularan pemikiran sekadar melalui pendidikan (SP.142/18/89, 23–25), cara hidup dan budaya (Nazirah 2014; Syed Husin Ali 2008, 69–70) yang lebih cenderung kepada Barat. Kajian akhbar oleh Nazirah (2014, 68–80) dan Van der Putten (2010, 21–45) memperlihatkan bahawa kedudukan Islam dicabar hebat oleh unsur Barat, contohnya dalam fesyen dan hiburan yang dianggap penting kepada Muslim khususnya dalam dekad 1930-an hingga 1940-an. Ahmad Fauzi (2004, 22, 25, 27) menyatakan keadaan sedemikian

terjadi berikutan British memperdaya masyarakat Melayu Muslim bahawa dasar Islam kolonial memberi manfaat kepada Muslim dengan memelihara kedudukan sultan sebagai ketua agama (sebagaimana Queen di England) dan pemberian gaji kepada ulama demi menyekat idea pembaharuan Islam dari masyarakat massa.

Perkembangan dalam sejarah Malaysia khususnya sejarah politik selepas Perang Dunia Kedua telah mendedahkan masyarakat Melayu kepada pelbagai pemikiran politik baharu. Perjuangan politik golongan kiri (Roff 2009, 103) dan kanan memberi ruang kepada masyarakat Melayu berdebat dan membuat pilihan dalam menentukan bentuk pemerintahan negara yang baharu. Meskipun masyarakat Melayu Muslim mempunyai pilihan mencorakkan negara mengikut acuan Islam oleh Parti Islam Se-Malaysia (PAS) pimpinan Burhanuddin al-Helmy, orang Melayu lebih meyakini golongan aristokrat yang menerajui parti Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (United Malays National Organisation, UMNO) bagi mendominasi pentadbiran negara (Means 2009, 81; Noer 1988, 204). Perkembangan politik selepas merdeka memperlihatkan keraguan pemerintah untuk menjadikan Islam sebagai teras dalam pentadbiran negara. Tunku Abdul Rahman yang mengetuai UMNO misalnya sekadar menganggap Islam hanya melibatkan urusan peribadi, bukan sebuah dasar dalam pemerintahan. Pemilihan orang Melayu terhadap UMNO secara jelas memaparkan pemikiran Melayu tidak bersatu mengenai kedudukan Islam dan hubungannya dengan negara sebagaimana yang ditegaskan oleh Noer (1988, 200).

Penerapan unsur-unsur Islam dalam pentadbiran bermula setelah berlakunya rusuhan kaum pada 13 Mei 1969. Justeru, tahun 1970-an menyaksikan penerapan polisi-polisi yang berkaitan dengan Islamisasi (Farish 2016). Pada masa yang sama, kebangkitan kesedaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar universiti atau sentimen agama yang berterusan oleh PAS merupakan antara dilema yang “memaksa” pemerintah mementingkan kedudukan sosioekonomi satu etnik Melayu yang kemudiannya menjadi “ketua” kepada kelompok Bumiputera, iaitu penduduk asal di Malaysia (Weiss 2011, 128, 148; Nagata 1980, 407–409; Hussin 1990, 53–55). Kesan langsung peristiwa ini menurut Mohamad (1986, 158) adalah pelaksanaan unsur-unsur Islam dalam dasar-dasar kerajaan demi mempromosikan Islam kepada masyarakat umum.

Kesedaran Islam dalam kalangan masyarakat juga muncul pada tahun 1970-an akibat pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang mementingkan pendidikan masyarakat Melayu. Pelajar Melayu dari kampung yang berpegang teguh kepada ajaran Islam (Hussin 1990, 61) diberi peluang luas untuk memasuki universiti di bandar seperti Universiti Malaya. Justeru, golongan pelajar ini mengalami proses persekitaran baharu, iaitu industrialisasi dan urbanisasi yang telah mengubah

peranan agama seperti yang dinyatakan oleh Strange (1992, 571–574). Dalam konteks Malaysia, perubahan peranan tersebut relevan apabila pelajar universiti dalam kalangan Melayu Muslim melihat cara hidup di bandar bertentangan dengan ajaran Islam ekoran penularan budaya barat seperti *dating* dan minum arak (Means 2009, 86). Sehubungan itu, kedatangan golongan massa Melayu dari kampung yang mementingkan Islam ke bandar mencetuskan pertembungan dengan golongan pemerintah atau ultra yang berpendidikan sekular sehingga konotasi “kebumiputeraan dan keislaman” diterapkan dalam kalangan pelajar universiti, seterusnya menaik taraf mobiliti sosial mereka sebagai golongan profesional yang sensitif mengenai kedudukan Islam. Malah, “produk DEB”, iaitu pelajar Melayu yang menuntut pengajian di England cenderung kepada cara hidup Islam ekoran mereka telah berasimilasi dengan persatuan dakwah utama di England, iaitu Federation of Student Islamic Societies (Ahmad Fauzi 2009, 148). Hasil asimilasi ini membawa kepada penglibatan mereka sebagai aktivis Islam apabila pulang ke Malaysia (Muhammad Haniff 2007, 297) berikutan mereka telah didedahkan dengan pemikiran seperti Maududi dari Pakistan dan Hassan al-Bana dari Mesir yang melahirkan idea membela umat Islam daripada penindasan Barat.

Elemen Islam mula mendapat perhatian dan ia diperkuatkan lagi melalui hubungan yang terjalin antara pelajar pusat pengajian tinggi khususnya di Kuala Lumpur dengan golongan yang membawa *purist movement* atau gerakan pemurnian ajaran Islam sejak awal tahun 1970-an. Hal ini disebabkan oleh komitmen tinggi mereka untuk mengubah pendekatan pentadbir yang cenderung kepada sekular (Mohamad 1986, 157). Justeru, kumpulan-kumpulan yang dibentuk demi menyebarluaskan Islam dalam kalangan masyarakat seperti Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), gerakan Darul Arqam dan Jamaah Tabligh mula mendapat tempat dalam masyarakat (Nagata 1984, 81–130). Kedatangan Anwar Ibrahim ke Iran pada Mac 1979 sebagai pemerhati jemputan kepada Revolusi Iran (Nagata 1980, 428; Weiss 2011, 216; lihat juga Ahmad Fauzi 2009, 146) memaparkan tindakan “didaktik” yang cuba ditunjukkan gerakan dakwah massa kepada Muslim Malaysia agar menghormati pilihan majoriti Muslim berhubung pemerintahan negara sebagaimana yang dilakukan oleh masyarakat Iran dalam menggulingkan rejim sekular. Revolusi Iran juga mengubah landskap politik PAS untuk menfokuskan kepimpinan berdasarkan ulama berbanding kepimpinan *moderate* atau nasionalis berikutan kepercayaan kepimpinan PAS bahawa ulama bertindak sebagai “penyelamat Muslim” daripada penindasan golongan sekular (Farish 2016, 124–125; Weiss 2011, 217; Hussin 1990, 131–133). Malah, Revolusi Iran memaparkan kebangkitan “politik Islam” di kampus berikutan terdapat 11 buah persatuan Islam di Universiti Malaya yang dilabel oleh pemerhati seperti Zainah Anwar sebagai persatuan bercorakkan “ala Iran” (Weiss 2011, 217; Zainah 1987, 35).

Sehubungan itu, PAS yang merupakan parti politik yang responsif telah mengambil peluang perkembangan yang berlaku dalam negara serta perkembangan politik Islam pada peringkat antarabangsa untuk mempengaruhi golongan sasaran (pelajar dan golongan profesional) menyokong matlamat PAS menuju sebuah “negara Islam”. Sungguhpun demikian, kumpulan gerakan pemurnian ajaran Islam seperti ABIM, Darul Arqam dan Jamaah Tabligh turut memainkan peranan signifikan dalam membangkitkan kesedaran Islam terhadap golongan sasaran mahupun masyarakat massa. Intipati perjuangan gerakan dakwah massa untuk mempromosikan semula Islam dilihat berdasarkan tindakan ABIM mendesak pemerintah mementingkan Islam dalam pentadbiran negara (Means 2009, 124; Syed Husin Ali 2008, 76). Darul Arqam pula mementingkan peranan dakwah dan kegiatan ekonomi Melayu Muslim yang berbentuk *home-based economy* (Muhammad Syukri 1992, 139–188; Means 2009, 131; Sharifah Zaleha 1997, 28). Jamaah Tabligh pula terkenal dengan dakwah yang mementingkan iman dan Islam kepada masyarakat (Badlihisham 2015, 195).

Pengaruh golongan gerakan pemurnian ajaran Islam dalam kalangan penuntut universiti dan penduduk di kawasan luar bandar mendorong pemerintah memaparkan komitmen mereka kepada Islam. Tun Hussein Onn contohnya menjadikan Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam (MKHUIM) dan Pusat Penyelidikan Islam di Malaysia sebagai pembekal maklumat kepada Perdana Menteri untuk mengawal kegiatan Islam dalam masyarakat Muslim (Hussin 1990, 145–147). Pendekatan yang sama juga dikesan dalam pentadbiran Tun Mahathir Mohamad yang mempunyai hubungan rapat dengan tokoh Islamis massa, menyokong kegiatan dakwah dan pada masa yang sama mengamalkan sikap berwaspada terhadap aktivis Islam yang dianggapnya sebagai ekstremis (Muhammad Haniff 2007, 298–301; Hussin 1990, 149–150; Ahmad Fauzi 2009, 144).

Jelas bahawa masyarakat Muslim di Malaysia mula memberi perhatian kepada Islam sejak permulaan dekad 1970-an. Tun Mahathir Mohamad dalam ulasannya berhubung peranan Islam menyatakan bahawa agama merupakan kuasa yang bertapak kuat pada orang Melayu (Mahathir 1992, 125). Justeru, Islam adalah asas utama dalam masyarakat Melayu dan ia menjadi ukuran untuk menentukan sikap dan pendekatan mereka berhubung sesuatu isu. Namun, apakah ciri-ciri dan elemen Islam yang diterima dalam masyarakat Muslim di Malaysia? Sejauh manakah penerimaan masyarakat Muslim terhadap nilai dan norma yang berpunca daripada Islam yang mereka kenali? Perkara-perkara ini perlu didalami untuk memahami dengan jelas peranan dan pandangan masyarakat Muslim mengenai Islam. Sehubungan itu, makalah ini akan merungkai persoalan-persoalan tersebut berasaskan kepada perkembangan Jamaah Tabligh pada tahun 1970-an hingga 1990-an.

Latar Belakang Jamaah Tabligh di Malaysia

Jamaah Tabligh diasaskan oleh Maulana Muhammad Ilyas di India pada tahun 1927 (SP.142/16/124). Legasi dakwahnya diteruskan oleh keturunannya, iaitu Muhammad Yusof al-Kandahlawi, seterusnya In'amul Hassan al-Kandahlawi (memimpin Tabligh pada tahun 1970) dan Maulana Muhammad Zakariyya al-Kandahlawi (Syeikh Al Hadis).² Institusi pemikiran Deoband merupakan organ dakwah kepada gerakan Tabligh. Hal ini kerana Maulana Ilyas dipengaruhi oleh ulama tersohor di institusi tersebut, iaitu Maulana Ashraf Ali Thanvi (Sajid 2001). Peranan Deoband ialah melahirkan ahlinya (Deobandi) yang terpelajar, manakala ahli Tabligh lebih berfokus kepada tugas menyampaikan dakwah. Disebabkan itu, ahli Tabligh menyahut seruan dakwah ke merata tempat termasuk Malaysia.

Tabligh bertapak di Malaysia sejak tahun 1950-an (Abdul Rahman 2007, 4; Farish 2012, 33).³ Pada peringkat awal, Tabligh digerakkan oleh masyarakat India Muslim di Pulau Pinang, Ipoh, Kuala Lumpur dan Singapura. Menjelang tahun 1970, Tabligh mula disertai oleh orang Melayu. Di Pulau Pinang, pergerakan Tabligh India Muslim dijalankan secara berkumpulan pada tahun 1973 (SP.142/18/89). Mereka bergerak ke Seberang Perai Tengah, Balik Pulau dan bandar raya Pulau Pinang. Tumpuan dakwah mereka berpusat di masjid. Mereka menjadikan Masjid Benggali (Lebuh Leith) dan Manab'iul-Ulum (Bukit Mertajam) sebagai pusat kegiatan di Pulau Pinang (SP.142/18/89). Di Kelantan, golongan India Muslim menjalankan dakwah menerusi rombongan pada tahun 1973 (Abdul Rahman 2007, 6). Mereka menjadikan Masjid Kubang Kerian sebagai markas utama, kemudian berpindah ke Lundang pada tahun 1975. Perpindahan tersebut berkait rapat dengan usaha Dr. Murshid Ali membuka markas Tabligh di Masjid Lundang.⁴ Ringkasnya, pergerakan dakwah Tabligh India Muslim memperlihatkan bahawa pengikut Tabligh diajar untuk berdakwah secara rombongan atau dalam kumpulan.

Konsep persaudaraan Islam yang menjadi pegangan golongan India Muslim memudahkan golongan India Muslim (dari Asia Selatan) mengembangkan dakwah Tabligh sesama kelompok mereka (India Muslim di Malaysia) sebelum mendapatkan sokongan dalam kalangan Melayu Muslim. Hubungan rapat antara golongan India Muslim dari Asia Selatan dengan India Muslim di Malaysia,⁵ ataupun kewujudan elemen diaspora (Farish 2012) masyarakat India Muslim itu sendiri mengukuhkan alasan di atas. Contohnya sebelum Tabligh diasaskan, sebuah persatuan India Muslim, iaitu Persekutuan India Muslim Kelantan yang ditubuhkan pada tahun 1916 menggariskan tujuan perkumpulan tersebut, iaitu “hendak mengikat ahli-ahlinya dengan ikatan persaudaraan yang kuat ... [serta] merundingkan dengan kebebasan apa-apa perkara yang berkenaan agama Islam” (*Pengasuh* 22 Jun 1925). Jelas bahawa golongan India Muslim menganggap

konsep persaudaraan Islam sesama kelompok mereka perlu diperkuatkan demi menjamin pengukuhan perniagaan dan kegiatan dakwah mereka diterima oleh masyarakat Melayu khususnya selepas Tabligh bertapak di Malaysia.

Jamaah Tabligh India Muslim menyedari bahawa dakwah mereka perlu berkembang dalam kalangan orang Melayu yang sensitif berhubung kedudukan Melayu sebagai peribumi yang sah. Justeru, pada tahun 1960-an dan 1970-an, menurut Nagata (1980, 423), jaringan Tabligh mula dikembangkan di kawasan tumpuan Melayu seperti di pedalaman negeri Kedah, Perak dan Terengganu. Oleh itu, penggunaan bahasa Melayu dan pendakwah tempatan dalam dakwah Tabligh menunjukkan permulaan strategi mewujudkan “Jamaah Tabligh Melayu” bagi mengurangkan sensitiviti Melayu terhadap dominasi bukan Melayu (daripada aspek ekonomi atau dakwah) sebagaimana ditentang hebat orang Melayu pada awal abad ke-20 atau tahun 1970-an. Selain itu, penubuhan Masjid Abdurrahman pada tahun 1970 yang menjadi pusat Jamaah Tabligh bagi golongan muda di Universiti Malaya (Kamaruzzaman 2015, 44) memberi petunjuk penuntut Melayu dide dahakan dengan aktiviti organisasi ini. Sungguhpun begitu, Jamaah Tabligh hanya menonjol dalam masyarakat Melayu pada tahun 1980-an (temu bual dengan Nabir Abdullah, 13 Oktober 2015; Kamaruzzaman 2015, 45). Kemerosotan populariti ABIM selepas tahun 1980-an dan kemerosotan sistem pondok menyebabkan masyarakat Melayu mula memberi perhatian terhadap dakwah Tabligh.⁶ Insitusi pengajian tinggi agama di sekitar Kuala Lumpur yang menjadi tumpuan belia pula hanya terhad di Maahad Tahfiz Wal-Qiraat pada sekitar akhir tahun 1970-an dan awal 1980-an seperti yang dinyatakan oleh Maulana Abdul Hamid.⁷ Kekangan ini menyebabkan pelajar pondok dipengaruhi oleh guru atau rakan Tabligh mereka supaya menyambung pengajian agama ke peringkat yang lebih tinggi di India dan Pakistan dan seterusnya mendalami tradisi Tabligh yang berpusat di Nizamuddin, India.⁸ Oleh itu, golongan *awwalin* (tokoh-tokoh awal Tabligh) merupakan golongan yang memainkan peranan penting sebagai “penyumbang sukarela” dalam memberi pendedahan Islam serta mempengaruhi masyarakat Melayu menyertai dakwah Tabligh. Tokoh *awwalin* seperti Tuan Guru Haji Salleh Penanti, Tuan Sheikh Muhammad dan Abang Arshad dilihat sebagai pemangkin kepada golongan muda dan golongan profesional untuk menyertai Jamaah Tabligh, terutama selepas tahun 1980-an (temu bual dengan Maulana Abdul Hamid, 26 Oktober 2015). Tuan Guru Haji Salleh contohnya, dilantik menjadi Ahli Syura (Syura Penanti) bersama rakan seperjuangannya seperti Dato Ismail Panjang Aris (Syura Kuala Lumpur) pada lewat tahun 1970-an.⁹

Ringkasnya, pada tahun 1970-an, gerakan Tabligh telah pun disertai oleh segelintir masyarakat Melayu. Namun begitu, pada tahun 1980-an, Jamaah Tabligh mula memperlihatkan pengaruh di Malaysia apabila golongan *awwalin* mengembangkan

ajaran Tabligh dalam kalangan masyarakat Melayu. Kedudukan *awwalin* sebagai Ahli Syura contohnya, membolehkan masyarakat Melayu merasakan ajaran Tabligh sesuai diamalkan oleh orang Islam. Kesannya, pada tahun 1990-an, Tabligh tersebar luas dan mempunyai 5,000 pengikut dalam kalangan kakitangan kerajaan termasuk pelajar universiti tempatan (*Utusan Malaysia* 14 Mac 1992). Walau bagaimanapun, kesahihan jumlah ini sukar dipastikan. Abdullah Fahim (1983, 11) contohnya, menganggarkan pengikut Tabligh di Malaysia adalah seramai 20,000 orang pada tahun 1980-an.

Kegiatan Tabligh di Malaysia dimantapkan oleh organisasi yang dibentuk dalam konteks “tanggungjawab”, satu penekanan bahawa tiada organisasi (khusus) dalam Tabligh. Gelaran seperti Hadratjie, Syura, Amir dan Karkun sekadar digunakan bagi memaparkan tanggungjawab ahlinya.¹⁰ Relevan tanggapan “tiada organisasi khusus” dalam Tabligh adalah supaya pengikut Tabligh hanya menumpukan usaha menyampaikan dakwah tanpa mementingkan kedudukan atau gelaran dalam Tabligh. Hadratjie (Hazratjie) merupakan panggilan hormat umum yang bermaksud “Si Mulia” atau “Yang Mulia”, sesuai dengan sifat-sifat “keulamaan” pengasas Tabligh (temu bual dengan Maulana Abdul Hamid, 26 Oktober 2015). Gelaran ini diguna pakai kepada Maulana In’amul Hassan al-Kandahlawi, Amir Jamaah Tabligh seluruh dunia pada tahun 1970-an hingga 1990-an. Selepas Maulana In’amul Hassan meninggal dunia, gelaran Hadratjie tidak lagi digunakan dalam Tabligh.¹¹ Jamaah Syura pula menyampaikan *karguzari* (laporan) kepada pusat Tabligh di Nizamuddin supaya bertindak memutuskan perkara berkaitan pengendalian ijtimak Tabligh (Abdullah Fahim 1983, 22) dan bertanggungjawab terhadap persempadanan “dakwah” (temu bual dengan Mahani Masiran, 25 Oktober 2015) dalam bentuk zon.¹² Di Zon Utara, Syura yang dipilih lazimnya datang dari Pulau Pinang dan Penanti berikutnya terdapat tokoh Tabligh yang alim dalam ilmu agama seperti Tuan Guru Haji Salleh Penanti.

Gelaran Amir merujuk kepada ketua sesuatu tempat atau ketua apabila aktiviti *khuruj* (keluar berdakwah) dilaksanakan. Amir bertanggungjawab memimpin *karkun* (ahli biasa) semasa *khuruj* atau mengendalikan urusan kedatangan Jamaah Tabligh dari luar negara. Jelas bahawa Jamaah Tabligh percaya tiada istilah jawatan tetap, ketua hakiki, *ranking* atau *hierarki* dalam Jamaah Tabligh, sebaliknya gelaran diberikan berdasarkan faktor pengorbanan ahlinya (temu bual dengan Mahani Masiran, 25 Oktober 2015).

Ijtimak atau perhimpunan tahunan juga merupakan strategi Tabligh memperlihatkan dakwah mereka adalah relevan dalam masyarakat Melayu. Ijtimak pertama berlangsung di Kuala Lumpur pada 30 Jun 1972 untuk memperluaskan aktiviti Tabligh dalam kalangan orang Melayu dan dipergiatkan semasa ijtimak kedua

pada tahun 1974 apabila terdapat usaha menarik minat belia khususnya penuntut universiti sekitar Kuala Lumpur menerusi surat jemputan. Ustaz Abdul Hamid Sulaiman, penyampai maklumat berkenaan ijtimak kedua telah menyelitkan ayat al-Quran yang menyeru “orang beriman” untuk keluar berjihad (SP.142/38/31). Justeru, ijtimak menimbulkan rasa harmoni kerana ia diibaratkan seperti berkumpul bersama rakan bagi membincangkan urusan agama sebagai alternatif kepada budaya “berbual kosong” dalam kalangan masyarakat Melayu. Selain itu, ijtimak juga menonjolkan unsur ukhuwah tidak mengira sempadan (temu bual dengan Nabir Abdullah, 13 Oktober 2015) dalam menguatkan perpaduan dan semangat Jamaah Tabligh (Abdullah Fahim 1983, 22). Kedatangan Maulana In’amul Hassan semasa Ijtimak Tabligh Sedunia di Terengganu pada November 1982 untuk menyampaikan kepentingan usaha dakwah kepada Jamaah Tabligh Malaysia (temu bual dengan Mahani Masiran, 25 Oktober 2015; Ahmad Fauzi 2009, 154) memberi gambaran bahawa penerimaan orang Melayu terhadap konsep persaudaraan seislam mengatasi sentimen kemelayuan berikutan mereka menghormati keturunan pengasas Jamaah Tabligh, iaitu India Muslim.

Konsep persaudaraan seislam ini dilihat terjejas terutama apabila wujud krisis pemahaman antara Jamaah Tabligh dengan pemerintah berhubung tujuan gerakan dakwah ini. Tujuan utama dakwah Tabligh yang difahami ahlinya ialah *amar makruf nahi munkar* (mengajak ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran). Istilah “usaha” sinonim sebagai nama lain untuk dakwah Tabligh. Menerusi istilah tersebut, Maulana Abdul Hamid (temu bual pada 26 Oktober 2015) menjelaskan tujuan dakwah Tabligh adalah berdasarkan *malfuzat*¹³ Maulana Ilyas yang berbunyi, “dakwah ini menghidupkan amalan yang dibawa Nabi Muhammad saw”. Justeru, Jamaah Tabligh percaya bahawa usaha dakwah mengikut cara Nabi Muhammad SAW sahaja yang dijamin mendapat kejayaan.

Pendedahan Islam dari luar kampus pada tahun 1970-an menarik perhatian pelajar universiti untuk memahami tujuan dakwah Tabligh. Mahani Masiran, seorang penuntut di Universiti Pertanian Malaysia (pada ketika itu, kini dikenali sebagai Universiti Putra Malaysia, UPM) pada tahun 1977 menegaskan bahawa tujuan dakwah Tabligh adalah demi memperkuuh kekuatan agama Islam. Istilah “Tabligh” hanya dipopularkan oleh masyarakat. Sebaliknya nama yang lebih sesuai untuk menggantikan istilah Tabligh ialah *Tahrikul Iman* atau gerakan iman sebagaimana yang dicadangkan oleh Maulana Ilyas (temu bual dengan Maulana Abdul Hamid, 26 Oktober 2015; Kamaruzzaman 2015, 45).

Walaupun pihak pegawai agama kerajaan daripada Jabatan Perdana Menteri (JPM) mengakui tujuan gerakan Tabligh adalah untuk mencontohi cara hidup Nabi Muhammad saw (SP.142/18/89, 1), mereka turut berpandangan bahawa Tabligh

bertujuan mewujudkan masyarakat “Hinduisme-Muslim”. Usaha mewujudkan masyarakat Hinduisme-Muslim akan berhasil apabila kegiatan Tabligh memusatkan pandangan dunia Islam ke India. Bukti ini bersandarkan kepada laporan lawatan Mufti Malaysia ke New Delhi pada tahun 1977 yang melihat kubur para wali “seolah-olah mendapat perlindungan rasmi, lengkap dengan *signboard* dan salasilah ‘wali-wali’ itu yang selalunya berakhir kepada Rasul Allah S.A.W” (SP.142/13/90, 6) serta dikunjungi peminatnya yang melakukan ritual seperti Hindu.

Pegawai agama menyifatkan tujuan Tabligh mewujudkan masyarakat Hinduisme-Muslim adalah berdasarkan pemerhatian dan tinjauan mereka terhadap perkembangan sosial masyarakat India Muslim di negara India sendiri. Ketaksuhan masyarakat India Muslim mengagungkan wali secara melampau dan pengalaman mendengar kisah-kisah sihir *super power* daripada pengikut Tabligh India merupakan faktor pemerintah bertindak waspada agar ciri-ciri Hinduisme-Muslim tidak menular dalam kalangan Muslim Melayu, khususnya belia. Hal ini kerana golongan belia melihat masjid diimarahkan oleh pengikut Tabligh sekitar tahun 1977 (temu bual dengan Mahani Masiran, 25 Oktober 2015). Pemerintah beranggapan Jamaah Tabligh di Malaysia harus diperhati untuk menyekat unsur yang menggugat identiti Melayu atau ajaran mengagungkan Hindu melebihi Islam dalam kalangan Muslim.

Namun, walau apa pun tanggapan pegawai agama kerajaan, pendirian Jamaah Tabligh adalah konsisten, iaitu dakwah mereka mengikuti cara hidup Nabi Muhammad SAW berdasarkan pengamalan enam prinsip serta metode dalam Tabligh. Di Malaysia, enam prinsip ini didapati menerusi buku *Enam Prinsip Sahabat* yang dikarang oleh Maulana Asyik Ilahi.¹⁴ Enam prinsip tersebut ialah mengucap dua kalimah syahadah (*kalimah toyyibah*), sembahyang (*namaz*), mengetahui rukun Islam dan mengingati Allah (ilmu dan zikir), menghormati orang Islam (*ikram*), ikhlas dan bertujuan baik, dan membelanjakan masa untuk berdakwah.¹⁵ Jamaah Tabligh percaya bahawa umat Islam yang mengamalkan enam prinsip ini akan menjadi unggul kerana ia menggambarkan sifat Sahabat pada zaman Nabi Muhammad saw berdasarkan pengadaptasian ajaran al-Quran dan hadis (temu bual dengan Mahani Masiran, 25 Oktober 2015; temu bual dengan Maulana Abdul Hamid, 26 Oktober 2015).

Metode dakwah Tabligh seperti *khuruj*, *jaulah/ghast*, *ta'lim*, *bayan*, *tasykil*, *ziarah*, *musyawarah* dan *karguzari* digunakan secara seragam sebagai simbol penyatuan hati (temu bual dengan Mahani Masiran, 25 Oktober 2015). Hal ini kerana pengikut Tabligh mengenali ahlinya berdasarkan penggunaan istilah yang sama, secara tidak langsung merapatkan ukhuwah mereka. Kefahaman terhadap prinsip dan metode ini diterjemahkan dalam “usaha”. Oleh itu, mubahilah dari India

dihantar ke kawasan sasaran untuk mengadakan syarahan berkaitan tauhid, ibadat dan cara hidup anjuran Nabi Muhammad SAW (SP.142/18/89). Syarahan tersebut merujuk kepada metode penyampaian dakwah, lazimnya disebut sebagai *bayan*. Aktiviti *tasykil* dilakukan sebaik sahaja maulana atau ustaz selesai menyampaikan *bayan*. *Tasykil* pula merupakan usaha memujuk pengikut Tabligh meluangkan masa untuk *khuruj* di jalan Allah. Semasa proses itu, kesudian pengikut Tabligh ditandai dengan mengangkat tangan (sebagai simbolik persetiaan) secara “tiba-tiba”. Mereka mendaftarkan diri untuk *korban* (kesanggupan pengikut Tabligh meninggalkan urusan lain demi mengikuti program dakwah anjuran Jamaah Tabligh) mengikuti program *khuruj* yang dirancang oleh penyampai *bayan* tadi. Tempoh untuk mengikuti rombongan tersebut ditentukan sama ada satu, tiga, tujuh, empat belas atau empat puluh hari, atau empat bulan. Selepas mencapai proses ini, barulah disarankan untuk *khuruj* ke India (SP.142/18/89, 2).

Pengamalan enam prinsip Sahabat dan metode dakwah dalam Tabligh ini memberi kesedaran kepada pelajar pada sekitar awal tahun 1970-an untuk menyertainya sebagai *karkun*. Antara penglibatan pelajar yang dikesan pada ketika itu termasuklah pelajar-pelajar dari Royal Military College, Institut Teknologi Mara (ITM, pada ketika itu), Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia dan beberapa buah sekolah asrama penuh seperti Sekolah Tunku Abdul Rahman (SP.142/18/89, 4). Bagi Jamaah Tabligh, enam prinsip dan metode yang mereka amalkan mewakili perpaduan kebangkitan Islam dalam masyarakat. Dalam erti kata lain, orang Islam sudah melihat diri dan masyarakatnya daripada perspektif Islam (SP.132/499, 8). Jelas bahawa pendekatan Tabligh menerusi enam prinsip dan metodenya menunjukkan ia sesuai dengan kehendak sebahagian masyarakat Muslim pada tahun 1970-an hingga 1990-an untuk mengamalkan atau memahami Islam dengan lebih baik berbanding sebelumnya.

Tabligh: Dakwah dan Cabarannya

Dakwah Tabligh dalam tempoh kajian ini dikaitkan dengan *tazkiyyatun nafs*. Ia berkait rapat dengan unsur sufi atau tasawuf (SP.142/16/124, 2). Tujuan utama *tazkiyyatun nafs* dalam Tabligh ialah penyucian jiwa. Hal ini kerana *tazkiyyatun nafs* terkandung menerusi ajaran yang disarankan dalam al-Quran atau hadis (temu bual dengan Maulana Abdul Hamid, 26 Oktober 2015); contohnya dalam surah as-Syams, ayat 9 yang bermaksud, “beruntunglah orang-orang yang menyucikan (jiwa)nya”.

Dalam konteks ajaran Tabligh di Malaysia, *tazkiyyatun nafs* merupakan proses pemurnian daripada amalan sufi/tasawuf yang melampau dari India. Amalan

kesufian yang bercampur aduk dengan ritual Hindu oleh pengikut Tabligh India (seperti solat, tawaf serta bernazar menggunakan lilin dan gaharu di hadapan makam wali) tidak dipraktikkan dalam kalangan pengikut Tabligh di Malaysia. Elemen kesufian Hinduisme-Muslim yang berbentuk mistik tidak “dieksport” dalam Jamaah Tabligh di Malaysia kerana mereka menolak perkara mistik dan pertapaan (temu bual dengan Maulana Abdul Hamid, 26 Oktober 2015).

Perbincangan di atas turut disokong oleh Thomas H. Johnson (2014) yang berpendapat bahawa organ dakwah Tabligh, iaitu Deoband tidak menumpukan kepada amalan mistik, sebaliknya menggalakkan amalan soleh menerusi mazhab Hanafi.¹⁶ Selain itu, pengikut Tabligh di Malaysia sendiri tidak diajar untuk mengagungkan ulama Tabligh sebagaimana yang dilakukan oleh golongan sufi terhadap sheikh tariqat yang dianggap memiliki kuasa mistik. Pengikut Tabligh di Malaysia sekadar menjadi “peminat” kepada ulama yang bijak mempengaruhi *karkun* supaya mencintai usaha dakwah. Maulana Umar Palampuri misalnya, diminati oleh pengikut Tabligh sekitar tahun 1980-an kerana kehebatan beliau menyampaikan *bayan* (temu bual dengan Mahani Masiran, 25 Oktober 2015).

Pengaruh *tazkiyyatun nafs* dalam Tabligh menggunakan kitab *Fadhlil Amal* sebagai asas amalan ahlinya. Walaupun buku *Enam Prinsip Sahabat* dikarang oleh Maulana Asyik Ilahi (lihat Abdullah Fahim 1983, 27), ahli Tabligh akan merujuk kitab *Fadhlil Amal* karangan Maulana Zakariyya. Hal ini kerana kitab *Fadhlil Amal* menghimpunkan ayat-ayat al-Quran dan hadis yang menjelaskan kelebihan beramal dalam ajaran Tabligh (temu bual dengan Maulana Abdul Hamid, 26 Oktober 2015). Sehubungan itu, hadis-hadis yang terdapat dalam kitab *Fadhlil Amal* menjadi panduan Jamaah Tabligh di Malaysia untuk mempraktikkan amalan tasawuf atau *tazkiyyatun nafs*, contohnya seperti melazimi zikir kalimah *toyyibah* (*la ilaha illallah*) dan makan setalam.

Penumpuan terhadap hadis oleh Jamaah Tabligh untuk mengamalkan Islam menyebabkan masyarakat menganggap Tabligh tidak liberal (temu bual dengan Nabir Abdullah, 13 Oktober 2015). Masyarakat umum berpandangan bahawa jamaah tersebut gagal melahirkan masyarakat seimbang berikutan ajarannya kelihatan “mengongkong masyarakat” mempraktikkan Islam. Hal ini kerana ajaran Tabligh memfokus kepada ajaran ulama mereka dari Asia Selatan seperti Maulana Zakariyya. Sehubungan itu, tahun 1970-an hingga 1990-an menyaksikan Tabligh menghadapi cabaran disebabkan masyarakat keliru dengan ajaran yang dibawa oleh Tabligh itu sendiri.

Walaupun terdapat dakwaan berkenaan hadis palsu dalam kitab *Fadhlil Amal* sebagai alasan pemerintah menyekat dakwah Tabligh pada penghujung tahun 1980-

an dan awal 1990-an, ia sukar untuk dikaitkan dengan pengikutnya. Hal ini kerana, menurut Nabir Abdullah (temu bual pada 13 Oktober 2015), kitab *Fadhl Amal* tidak diketahui masyarakat umum di Malaysia pada tempoh tersebut. Di Malaysia, bermula pada tahun 1970-an hingga 1990-an kitab *Fadhl Amal* yang digunakan oleh Jamaah Tabligh adalah merujuk kepada kitab-kitab bersiri karangan Maulana Zakariyya dalam versi bahasa Melayu.¹⁷ Justeru, masyarakat belum mengenali kitab *Fadhl Amal*, lantaran ia mula diterbitkan dalam versi bahasa Melayu secara himpunan (bukan bersiri) pada tahun 2003 (temu bual dengan Mahani Masiran, 25 Oktober 2015). Malah dalam satu artikel dalam *Utusan Malaysia* pada April 1987, Profesor Dr. Rauf Syalabi sekadar mengkritik Tabligh mengajar manusia menjadi malas berikutan hanya menekankan aspek kerohanian (Abdul Rahman 2007, 176–177). Namun begitu, kritikan terhadap hadis yang disusun oleh Maulana Zakariyya tidak disentuh oleh sarjana dakwah tersebut.

Pergerakan Tabligh pada era kebangkitan Islam menimbulkan kecurigaan dalam kalangan pemerintah dan pegawai agama. Kecurigaan terhadap Tabligh semakin memuncak apabila kerajaan negeri Melaka di bawah Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) mengeluarkan fatwa pengharaman ke atas Tabligh pada tahun 1992 (*Utusan Malaysia* 17 Mac 1992). MAIM berpandangan bahawa Jamaah Tabligh membawa kelemahan kepada umat Islam meskipun tidak mengesan akidah yang menyeleweng dalam jamaah tersebut (*Utusan Malaysia* 3 April 1992). Walaupun MAIM mengharamkan Tabligh pada tahun 1992, ia memberi petunjuk bahawa aktiviti Tabligh sebelum tempoh tersebut ada kaitannya dengan usaha menyekat dakwah ini. Kebanyakan dakwaan terhadap Jamaah Tabligh bersandarkan kepada pemerhatian pemerintah dan secara tidak langsung mewakili masyarakat umum. Hal ini kerana dakwaan terhadap isu Jamaah Tabligh di Malaysia memperlihatkan kecenderungan pemerintah mengambil kira pandangan masyarakat yang bukan ahli Tabligh.¹⁸

Cabarannya yang paling jelas dihadapi oleh Jamaah Tabligh pada tahun 1970-an hingga 1990-an ialah pengikutnya didakwa mengabaikan tanggungjawab terhadap urusan harian. Kebanyakan pengikut Jamaah Tabligh ini terdiri daripada mereka yang sememangnya sudah kembali ke jalan Islam di samping ingin menguatkan iman dan amalan (Abdullah Fahim 1983, 30). Namun begitu, timbul pula dakwaan yang mengatakan, “orang dewasa dan pelajar yang tidak mempunyai asas ugama Islam yang kukuh boleh menjadi fanatic” (SP.142/18/89, 4) apabila menyertai jamaah tersebut. Ia ekoran penekanan dalam syarahan mereka yang menyebut bahawa “dunia sudah kotor dan hampir kiamat”. Justeru, masyarakat melihat pengajaran Tabligh ini menyebabkan ahlinya tidak lagi mementingkan tanggungjawab dunia dan seterusnya cuai dalam pekerjaan.

Pengikut Tabligh yang bekerja dalam sektor kerajaan atau swasta menjadi sasaran masyarakat untuk mencari kekurangan dalam Jamaah Tabligh. Masyarakat mendakwa bahawa pengikut Tabligh meninggalkan tugas secara cuti bergaji atau tidak bergaji (*Utusan Malaysia* 3 April 1992). Kes yang direkodkan oleh beberapa agensi kerajaan dan akhbar tempatan menunjukkan terdapatnya kecuaian pengikut Tabligh dalam pekerjaan. Contohnya pada tahun 1975, Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengenal pasti seorang juruteknik lepasan ITM telah hilang minat untuk bekerja di Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dan gemar menghabiskan masa di masjid (1998/0025942, 1). Selain itu, terdapat laporan seorang askar (berpangkat koperal) di Port Dickson meninggalkan kerja tanpa sebarang notis untuk mengikuti perjalanan jamaah ini (1998/0025942, 1). Terdapat juga kes seorang jurutera berbangsa Melayu lepasan luar negara mengambil keputusan meletakkan jawatan semata-mata untuk menyertai Tabligh pada sekitar tahun 1980-an (*Utusan Malaysia* 14 Mac 1992).

Penyertaan golongan akademik dalam Jamaah Tabligh turut menjadi perhatian masyarakat yang mengaitkannya dengan isu tanggungjawab. Menurut Ainuddin Wahid, sepanjang beliau menjadi Naib Canselor di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), terdapat dalam kalangan pensyarahnya yang meninggalkan tugas untuk menyertai gerakan Tabligh ini (*Utusan Melayu* 16 Mac 1992). Selain pensyarah, terdapat juga laporan mengenai guru perempuan meletakkan jawatan apabila menyertai Tabligh. Sehubungan itu, Majlis Keselamatan Negara berpendapat bahawa gerakan Tabligh memberi kesan negatif kepada ahlinya, lantaran bertindak mengasingkan diri dari masyarakat (1998/0025942, 1), seperti yang berlaku kepada Encik Othman Muhammadi, bekas pensyarah di Universiti Malaya (SP.142/18/89, 6).

Keseluruhan perbincangan di atas menggambarkan bahawa pengikut Tabligh tidak menunjukkan keimbangan berkenaan urusan pendapatan dan kewangan diri selepas menamatkan perkhidmatan dengan kerajaan. Hal ini kerana mereka berpegang dengan prinsip “manusia dilarang berfikir soal rezeki sebab rezeki adalah di tangan tuhan”. Perkara ini secara tidak langsung menimbulkan pandangan sinis sebahagian pengikut Tabligh terhadap perkhidmatan awam (*Utusan Malaysia* 14 Mac 1992).

Masyarakat menganggap penglibatan pelajar sekolah dalam Tabligh pula menjadikan mereka ekstremis. Pelajar yang menyertai Tabligh didakwa merasakan martabat mereka lebih tinggi berbanding rakan-rakan yang lain (SP.142/18/89, 4–5). Hal ini kerana pelajar yang tidak mendampingi Tabligh dikecam sebagai jahil berikutan tidak mengikut sunah Rasulullah SAW. Oleh itu, masyarakat beranggapan tindakan obses pelajar terhadap dakwah Tabligh menyebabkan sebahagian mereka

mengabaikan pelajaran. Contohnya pada tahun 1973/1974, seorang pelajar tingkatan 5 dari Sekolah Tuanku Abdul Rahman di Ipoh mengikuti pengembalaan kumpulan Tabligh India Muslim di India.¹⁹

Perkembangan yang sama juga berlaku dalam kalangan pelajar di pusat-pusat pengajian tinggi. Menurut Abdul Hamid Othman, kuliah dan kegiatan lain ditinggalkan apabila mahasiswa mengikuti pengembalaan kumpulan Tabligh (*Berita Harian* 21 Mac 1992). Golongan mahasiswa sangat responsif terhadap pergerakan Islam luar kampus. Oleh itu, mahasiswa yang menyertai Jamaah Tabligh melakukan pengembalaan dalam dakwah tersebut demi mengamalkan Islam secara praktikal berbanding teori. Dalam konotasi yang lain, mereka menganggap diri mereka dituntut untuk menyatukan ilmu Islam secara rasmi (dari kampus) dengan tidak rasmi (daripada ajaran Tabligh) (SP.132/499, 6). Hal tersebut menjadi masalah kerana mahasiswa cenderung meninggalkan pengajian semata-mata untuk mempelajari Islam yang dibawa oleh ajaran Tabligh.

Selain dakwaan mengabaikan tanggungjawab, Jamaah Tabligh berhadapan persepsi negatif masyarakat berhubung pendekatan dakwah yang dikatakan kurang sesuai. Ia berkait rapat dengan amalan *khuruj* dalam tempoh tertentu. Amalan *khuruj* selama 40 hari merupakan aktiviti paling ketara yang menjadi amalan pengikut Tabligh apabila meninggalkan rumah (*Utusan Malaysia* 14 Mac 1992). Masyarakat pada tahun 1980-an melihat fenomena *khuruj* menimbulkan masalah sosial terutama berhubung peranan suami terhadap keluarga (*Berita Harian* 21 Mac 1992). Amalan *khuruj* sering dikaitkan dengan kesan buruk seperti suami tidak mempedulikan urusan rumah tangga. Hal ini bertentangan dengan fahaman Islam yang tidak sesekali menjadikan anak dan isteri terbiar serta mengabaikan sara hidup mereka (*Utusan Malaysia* 3 April 1992). Justeru, amalan *khuruj* atau menjelajah dari satu tempat ke tempat lain dianggap tidak meningkatkan taraf Islam, apatah lagi menarik minat golongan bukan Islam untuk memeluk agama Islam (SP.142/18/89, 6).

Isu penampilan diri turut menjadi faktor masyarakat memandang sinis terhadap pendekatan dakwah Tabligh. Pengikut Tabligh didakwa mencemarkan kemuliaan masjid dan surau. Mereka tinggal di masjid dalam tempoh yang panjang serta memasak, membasuh dan tidur di situ (*Utusan Malaysia* 3 April 1992). Lantaran itu, masyarakat memandang jamaah yang membawa periuk, belanga dan pinggan mangkuk ke masjid seperti “musafir melarat” (*Utusan Zaman* 15 Mac 1992). Cara pemakaian pengikut Tabligh di Malaysia juga menimbulkan persepsi masyarakat bahawa jamaah tersebut mengikuti cara pemakaian Tabligh India (*Utusan Malaysia* 14 Mac 1992). Ia ekoran dakwaan kemunculan beberapa kumpulan dalam Jamaah Tabligh di Malaysia yang digelar jubah putih, serban hijau dan serban kuning

tanpa diketahui makna di sebaliknya. Ringkasnya, penampilan pengikut Tabligh mendapat tentangan daripada masyarakat yang melihat era 1970-an hingga 1990-an serba canggih dan gemar akan kekemasan.

Masyarakat umum percaya Tabligh tidak dapat memberi sumbangan kepada kemajuan negara. Tindakan pengikut Tabligh mementingkan perkara akhirat sehingga tidak mahu lagi harta benda seperti kerusi meja, radio dan televisyen di simpan di dalam rumah (SP.142/18/89, 4) mendapat reaksi pertubuhan masyarakat Muslim. Setiausaha Agung Persatuan Perpaduan Islam, Haji Abdullah Muhamad Dol menegaskan “Apa yang sepatutnya umat Islam lakukan ialah menuntut ilmu dunia dan akhirat, mengejar pangkat dan mencari kekayaan kerana dengan cara itu sahaja orang Islam akan lebih dihormati oleh bukan Islam” (*Utusan Melayu* 16 Mac 1992). Keadaan ini menunjukkan bahawa, sebelum tahun 1990 masyarakat Melayu sudah berkembang dan menganggap perkara berkenaan material adalah sebahagian daripada tuntutan dunia.

Kemajuan negara turut terhalang menerusi Tabligh apabila masyarakat mengaitkannya dengan usaha penjajah untuk memundurkan umat Islam. Menurut Ishak Mohd Jonid (Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung 1992) pihak British yang menjajah India sengaja menggalakkan kegiatan Tabligh kerana tidak mahu umat Islam maju (*Utusan Malaysia* 14 Mac 1992). Tanggapan pelajar yang menyertai Tabligh terhadap pendidikan mengukuhkan alasan di atas. Contohnya, pelajar-pelajar ini tidak mahu mempelajari subjek sains kerana menganggap ia ilmu ciptaan Yahudi. Secara tidak langsung, generasi berkualiti tidak dapat dihasilkan kerana pelajar-pelajar pintar ini telah merosot pelajarannya setelah menyertai Tabligh (SP.142/18/89, 4). Ringkasnya, dakwaan negatif yang dikaitkan dengan Jamaah Tabligh di Malaysia hanya mengambil kira pandangan daripada perspektif pemerintah, pegawai agama dan masyarakat Muslim Malaysia yang bukan ahli Tabligh. Justeru, pendirian Jamaah Tabligh serta pihak yang mendukungnya adalah penting untuk diketengahkan demi melihat keupayaan Tabligh mempertahankan dakwahnya dari tahun 1970-an hingga 1990-an.

Respons Jamaah Tabligh dalam Menghadapi Cabaran Dakwah

Kebanyakan pengikut Tabligh memberi perhatian terhadap konfrontrasi yang melanda mereka dalam keadaan *defensive preparedness* (Farish 2012, 110–111). Jamaah Tabligh mempertahankan segala dakwaan negatif terhadap mereka dengan tenang (temu bual dengan Maulana Abdul Hamid, 26 Oktober 2015) menerusi tindakan bertahan (*defence*) berbanding menyerang (*offence*). Mereka memberi respons terhadap isu yang melanda melalui penjelasan terus berkenaan dakwah anjuran Tabligh.

Pengabaian tanggungjawab oleh pengikut Tabligh adalah disebabkan oleh kesilapan individu itu sendiri. Masyarakat hanya memberi tumpuan kepada pengikut Tabligh yang mempunyai konflik peribadi, sedangkan ramai lagi pengikut Tabligh yang lain lebih cemerlang dalam pelajaran dan kerjaya (temu bual dengan Maulana Abdul Hamid, 26 Oktober 2015). Contohnya, pelajar yang terlalu fokus kepada usaha dakwah sehingga meninggalkan pelajaran menjadi perhatian masyarakat untuk melihat gerakan dakwah itu daripada sudut negatif. Kesan-kesan buruk seperti berhenti kerja dan mengabaikan pelajaran tidak mempunyai statistik yang betul, begitu juga dengan kesan baik yang tersebar luas tetapi tidak dicatatkan (1998/0025943, 1). Soal adanya pengikut yang ekstrem dalam kumpulan itu adalah masalah peribadi atau *individual spiritual experiment* dan ia bukan anjuran jamaah ini (1998/0025943, 1).

Pengharaman Tabligh oleh MAIM mendapat reaksi bertentangan dari Jamaah Tabligh atau pihak yang menyokong jamaah tersebut. Encik Fauzi Ahmad misalnya berpendapat pemerintah tidak suka melihat golongan muda mendekatkan diri dengan Islam (*Utusan Malaysia* 17 Mac 1992). Beliau menegaskan, sepanjang menyertai Tabligh, tiada rakannya yang berhenti daripada pelajaran, sekiranya ada, Tabligh tidak wajar dipersalahkan kerana masalah peribadi pelajar sendiri yang menggagalkan mereka. Selain itu, Tokoh Pendakwah 1987 Wilayah Persekutuan, Ustaz Abdul Ghani Abdul Rahman turut memberi analogi yang sesuai berkenaan sekatan terhadap Tabligh: “Jika diberi alasan banyak keluarga porak peranda dan berlaku perceraian kerana suami mengikut Tabligh, Mufti juga kena kaji banyak mana yang bercerai kerana kerajaan membenarkan arak dijual berleluasa dan kegiatan judi tidak dihapuskan” (*Harakah* 20 Mac 1992). Hal ini menjelaskan bahawa masalah sosial yang berlaku dalam kalangan umat Islam sebelum tahun 1990-an juga disebabkan oleh kecelaruan masyarakat sendiri. Pemerintah seolah-olah membuka ruang kepada masyarakat Muslim untuk meniru gaya hidup Barat.

Pendekatan dakwah Tabligh terutama yang berkaitan dengan metode *khuruj* yang dikatakan menjadi punca anak dan isteri terabai disangkal oleh ahlinya. Menurut seorang pengikut Tabligh, Encik Rashidi, sebelum keluar berdakwah, mereka yang berkeluarga perlu memastikan makan minum keluarga mencukupi (*Utusan Malaysia* 17 Mac 1992). Hal ini dapat dikenal pasti menerusi anjuran adab Tabligh yang terdapat dalam kitab rujukan Jamaah Tabligh sendiri (kitab *Fadhl Amal* secara bersiri). Buktinya, kitab tersebut menjelaskan: “Carilah pendapatan yang halal dengan cara-cara yang diharuskan dan kemudian belanjakannya dengan jimat cermat dan tunaikanlah hak-hak ahli keluarga dan sanak saudara mengikut hukum syarak”.²⁰ Selain kitab *Fadhl Amal*, kitab *Hayatus Sahabah*²¹ yang disediakan oleh Hadratje Maulana Yusof Kandahlawi turut menyelitkan hadis berkenaan isu yang sama, iaitu:

Sayyidina Sauban berkata, Rasulullah S.A.W bersabda, “Dinar yang paling afdal ialah dinar yang seseorang belanjakan ke atas ahli keluarganya dan dinar yang seseorang belanjakan ke atas kudanya yang digunakan di jalan Allah dan dinar yang seseorang itu belanjakan ke atas teman-temannya di jalan Allah” (Riwayat Ibnu Hibban).²²

Justeru, panduan yang terkandung dalam kitab *Fadhal Amal* dan *Hayatus Sahabah* menggalakkan ahli Tabligh bertanggungjawab terhadap urusan nafkah rumah tangga. Ajaran Tabligh mementingkan peranan suami untuk mencari rezeki yang halal dan membelanjakan rezeki tersebut ke atas keluarga terlebih dahulu. Kemudian barulah diikuti dengan tindakan seperti menyediakan pengangkutan untuk berdakwah dan ikram (memuliakan saudara semuslim) sekiranya terdapat lebihan perbelanjaan selepas menunaikan hak keluarganya.

Pengikut Tabligh berpegang teguh dengan dakwah (*khuruj*) kerana mereka menganggap ia lebih baik daripada melancang sambil membuat maksiat (*Utusan Malaysia* 17 Mac 1992). Pengikut Tabligh atau *karkun* yang keluar berdakwah akan mengambil iktibar menerusi perjuangan sahabat Nabi Muhammad SAW:

Sahabat Nabi Muhammad saw mengerjakan dakwah bertujuan untuk syahid atau menang. Mereka tidak meninggalkan apa-apa melainkan Allah dan Rasul. Sahabat sayang/*korban* kepada agama melebihi diri sendiri. Allah memilih sesiapa yang dikehendaki untuk keluar dan tidak memilih hambanya (untuk keluar) lantaran hambanya sendiri memiliki banyak alasan. Zakat ada *fi'linya* (ketika diwajibkan mengeluarkan harta), puasa ada *fi'linya* (ketika bulan Ramadan), *kalimah toyibah* atau *La ilaha illallah, fi'linya juga ada*, iaitu keluar berdakwah dan tidak ada cara lain (temu bual dengan Abdul Hakim Abbas, 18 Oktober 2015).

Berdasarkan kenyataan di atas, Jamaah Tabligh sangat mementingkan dakwah menerusi *khuruj*. Hal ini kerana amalan seperti puasa dan zakat mempunyai waktu khusus. Sedangkan *kalimah toyibah* sekadar sinonim dengan amalan zikir. Sehubungan itu, pengikut Tabligh percaya *kalimah toyibah* perlu diterjemahkan dalam konteks yang lebih luas daripada sekadar zikir menerusi usaha dakwah secara praktikal, iaitu *khuruj*. Pengikut Tabligh dapat memahami kesukaran dakwah yang dihadapi oleh Nabi Muhammad SAW ketika melaksanakan *khuruj*. Pada tahun 1980-an misalnya, rombongan *karkun* seperti Mahani bin Masiran pernah dipenjara oleh pihak polis Indonesia semasa *khuruj* di Padang. Jelas bahawa kekeliruan masyarakat terhadap pendekatan dakwah Tabligh berpunca daripada tidak memahami landasan yang dianjurkan oleh Tabligh dengan betul.

Isu Jamaah Tabligh menggalakkan kemunduran negara tidak timbul sekiranya masyarakat mempunyai pengetahuan terhadap tokoh-tokoh Tabligh. Ahli Tabligh

terdiri daripada pelbagai latar belakang profesional. Ada antara mereka yang memiliki karier politik, menjadi wakil rakyat, berpangkat datuk bandar, dan ulama (temu bual dengan Mahani Masiran, 25 Oktober 2015). Tokoh *awwalin* Tabligh adalah seperti Tuan Guru Haji Salleh Penanti, Dr. Mustofa, Tuan Sheikh Muhammad, Abang Arshad, Ahmad Awang, Dato Ismail Panjang Aris dan Ustaz Ahmad Said. Dato Ismail Panjang Aris dan Ahmad Awang dikatakan merupakan antara tokoh politik UMNO yang aktif dengan dakwah Tabligh sekitar tahun 1980-an.²³ Golongan belia Tabligh ketika itu seperti Abang Arshad dan Mat Zain Korea memberi inspirasi kepada golongan muda untuk menerima dakwah Tabligh.²⁴ Kemunculan tokoh-tokoh ini menunjukkan bahawa penyertaan mereka dalam Jamaah Tabligh tidak sama sekali bertujuan membawa kemunduran negara. Ketokohan pengikut Tabligh dalam politik atau agama (seperti Dato Ismail Panjang dan Tuan Guru Haji Salleh Penanti) menunjukkan bahawa Tabligh menganjurkan Muslim untuk memajukan diri sebagai Muslim sejati pada era kebangkitan Islam.

Usaha pemerintah menyekat dakwah Tabligh sejak penghujung tahun 1980-an adalah disebabkan oleh wujudnya hubungan antara Jamaah Tabligh dengan Darul Arqam. Penyelewengan akidah Arqam menerusi *Aurad Muhammadiah* secara tidak langsung memberi kesan kepada Tabligh. Namun jika merujuk kepada ulasan laporan beberapa agensi mengenai Jamaah Tabligh, unsur ajaran negatif lebih banyak dilihat dalam Darul Arqam berbanding Jamaah Tabligh (1998/0025942, 3). Kebimbangan terhadap gerakan Tabligh juga terjadi lantaran wujud hasutan terhadap pegawai-pegawai agama kerajaan pada tahun 1982 (SP.142/38/475). Pegawai agama dituduh menjadi alat kerajaan yang kufur sehingga mereka hidup senang-lenang dengan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan.

Kecurigaan pemerintah terhadap Tabligh lebih berbentuk kecurigaan politik. Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKHUIM) menjadi ejen kepada pemerintah dalam usaha mengesan kecenderungan politik dalam Tabligh. Pada 2 Ogos 1977, MKHUIM mencadangkan pihak imigresen memperketatkan kemasukan pemimpin Jamaah Tabligh India ke Malaysia (SP.142/16/124, 3). Dalam laporan kerajaan yang bertajuk “Kegiatan Tabligh India Muslim”, dicatatkan hipotesis bahawa kegiatan Tabligh “diresapi badan tertentu demi kepentingan tertentu” supaya kedudukan bumiputera terjejas daripada aspek sosial, ekonomi dan politik (SP.142/18/89, 5–6). Justeru, lawatan mufti dari Malaysia seperti Sheikh Abdul Mohsein Haji Salleh ke New Delhi seperti yang dibincangkan sebelum ini, iaitu pada Oktober dan November 1977 pada hakikatnya adalah untuk menyelidiki “pengaruh di belakang gerakan dakwah” seperti Jamaah Tabligh India, Voice of Islam dan Islamic Republic Council (IRC) meskipun ia dilihat sebagai menyahut keputusan MKHUIM supaya lawatan “untuk meluaskan pandangan dan pengetahuan sesuai dengan perintah Allah” (SP.142/13/90, 2).

MKHUIM sebagai ejen kepada pemerintah memahami bahawa tugas mereka mengawal kegiatan masyarakat Muslim Malaysia terhadap Islam tertakluk kepada kelangsungan politik pemerintah. Sehubungan itu, lawatan ke India oleh pegawai agama kerajaan dilakukan untuk melaksanakan hasrat Dr. Mahathir Mohamad (pada ketika itu Timbalan Perdana Menteri) pada 14 Ogos 1977 untuk menyelidiki Jamaah Tabligh India, Voice of Islam dan IRC berikutan pemerintah mengesan persatuan-persatuan ini menggunakan khutbah Jumaat untuk menyelar kerajaan, menteri dan pegawai kerajaan sebagai badan yang tidak boleh dipercayai (SP.142/13/90, 2).

Justeru, Jamaah Tabligh beranggapan bahawa kecurigaan pemerintah terhadap gerakan mereka adalah berbentuk kecurigaan politik serta dibimbangi berunsur subversif, terutama apabila Hadratjie Maulana In'amul Hassan ditahan begitu lama dan disiasat oleh pegawai imigresen di lapangan terbang Malaysia pada tahun 1982 (temu bual dengan Mahani Masiran, 25 Oktober 2015). Hal ini menunjukkan bahawa cadangan MKHUIM untuk mengawal kemasukan ulama Tabligh pada 2 Ogos 1977 diterima berikutan pada 16 September 1981 MKHUIM berpendapat adalah baik sekiranya Jamaah Tabligh Malaysia memutuskan hubungan dengan Nizamuddin, New Delhi (SP.142/16/124, 3; SP.142/71). Sungguhpun demikian, kecurigaan pemerintah Malaysia terhadap unsur subversif dalam Jamaah Tabligh meleset apabila pemerintah dimaklumi bahawa kehadiran In'amul Hassan di ijtimak di Terengganu adalah semata-mata untuk berdakwah (temu bual dengan Mahani Masiran, 25 Oktober 2015). Hal ini membuktikan bahawa tidak timbul unsur subversif dalam jamaah ini ekoran penekanan kepada konsep *istikhlas*, iaitu meyakinkan pengikut Tabligh hanya menumpukan usaha dakwah serta bertindak neutral dalam politik (temu bual dengan Maulana Abdul Hamid, 26 Oktober 2015).

Jelas bahawa kekeliruan memahami prinsip anjuran Tabligh telah menimbulkan perspektif negatif terhadap Jamaah Tabligh dari tahun 1970-an hingga 1990-an. Respons dan penjelasan yang disampaikan oleh Jamaah Tabligh atau pendokong jamaah tersebut berdasarkan cerapan kepada akhbar dan temu bual lisan menunjukkan Jamaah Tabligh menyangkal dakwaan bahawa wujudnya ajaran menyeleweng atau cubaan menggugat pemerintah. Sebaliknya, cerapan kepada laporan agensi kerajaan atau pegawai agama Islam di Malaysia memaparkan terdapat usaha daripada pemerintah untuk mencari kelemahan dakwah yang dibawa oleh Jamaah Tabligh. Ia dapat dilihat menerusi perbincangan sebelum ini apabila pemerintah mengaitkan terdapat pengaruh atau kuasa luar di sebalik aktiviti Jamaah Tabligh dengan menimbulkan andaian bahawa pertubuhan tersebut dirancang oleh “konspirasi dunia” tanpa menjelaskan bukti siapakah anasir luar atau konspirasi dunia tersebut (SP.142/13/90, 6). Namun, kelestarian Tabligh berterusan sehingga awal abad ke-21 apabila pemimpin politik daripada parti yang berbeza menyertai ijtimak terbesar yang diadakan di Sepang pada tahun 2009.

Kesimpulan

Pendedahan ajaran Islam yang dibawa oleh Jamaah Tabligh sepanjang tempoh kajian memperlihatkan masyarakat Melayu mula memberi perhatian meluas terhadap Islam berbanding sebelum tahun 1970-an. Jamaah Tabligh memiliki signifikasi tersendiri apabila konsep persaudaraan Islam dalam pelaksanaan dakwah golongan India Muslim diterima tokoh *awwalin* Tabligh di Malaysia seterusnya menggalakkan penyertaan masyarakat Melayu pada tahun 1980-an. Pemahaman terhadap aspek organisasi berhubung konteks tanggungjawab dan ajaran dakwahnya menjadi asas “pertahanan” Jamaah Tabligh apabila dicabar pemerintah dan masyarakat umum berikutan kurangnya kefahaman mengenai prinsip Tabligh. Kebanyakkan isu berhubung Tabligh yang dikatakan mengabaikan tanggungjawab dunia adalah disebabkan oleh masalah dalaman dan peribadi individu terbabit. Tabligh menangkis dakwaan mereka tidak menghiraukan nafkah keluarga apabila *khuruj* dilaksanakan kerana peranan suami dijelaskan dalam kitab panduan Tabligh. Malah Tabligh tidak menggalakkan kemunduran negara seperti yang didakwa kerana pengikutnya terdiri daripada pelbagai latar karier profesional seperti ahli politik, ahli perniagaan dan pensyarah. Justeru, pendirian *istikhlas* berdakwah serta neutral dalam politik membolehkan Tabligh mempertahankan dakwahnya dari tahun 1970-an hingga 1990-an.

Nota

1. Muslim merupakan penganut kepada agama Islam. Faktor perdagangan dan penyebaran Islam oleh pedagang Arab dan India sejak zaman kesultanan Melayu Melaka membentuk kewujudan masyarakat Muslim yang pelbagai dari kalangan Melayu Muslim, India Muslim dan Arab di Tanah Melayu. Sungguhpun demikian, “tekanan kemelayuan” pada awal abad ke-20 terpaksa dihadapi oleh masyarakat India Muslim dan Arab apabila Malay Reservation Act 1913 diperkenalkan oleh British bagi mementingkan kedudukan Melayu, iaitu mana-mana masyarakat yang melazimkan bercakap Melayu serta memeluk Islam. Golongan India Muslim, misalnya, yang menjalani proses “masuk Melayu” hasil perkahwinan campur dengan orang Melayu masih menghadapi tekanan kemelayuan yang hebat apabila muncul wartawan Muslim Melayu seperti Abdul Rahim Kajai pada era 1930-an yang menafikan golongan masuk Melayu, iaitu Darah Keturunan Keling atau Darah Keturunan Arab. Justeru, Muslim dalam makalah ini hanya merujuk kepada ahli Tabligh Melayu Muslim dan India Muslim dalam memperlihatkan penyesuaian dakwah Jamaah Tabligh dari Asia Selatan terhadap masyarakat Melayu yang mementingkan “kemelayuan”, sekali gus menonjolkan penerimaan Melayu Muslim (Jamaah Tabligh Melayu) terhadap dakwah Tabligh.
2. Lihat Abdul Rahman (1997, 77). Syeikh Al Hadis merupakan gelaran yang ditujukan kepada Maulana Zakariyya kerana beliau merupakan ulama hadis terkenal dalam Jamaah Tabligh.

3. Sekitar tahun 1952, terdapat dua orang utusan dari Nizamuddin datang ke Tanah Melayu. Mereka ialah Maulana Abdul Malik Madani dan Maulana Haji Miaji Isa. Menurut Abdul Rahman (2007), Imam Masjid India, Kuala Lumpur menyambut baik kedatangan Abdul Malik Madani. Pada masa yang sama, menurut Farish (2012), Maulana Miaji Isa juga memperoleh sokongan daripada komuniti India Muslim di Negeri-Negeri Selat. Hal ini menunjukkan kedatangan mereka berdua adalah secara berasingan walaupun pada tahun yang sama.
4. Dr. Murshid Ali tertarik dengan Tabligh untuk meninggalkan kehidupan lama yang dianggapnya sebagai “*totally secular*”. Lihat Farish (2012, 126–129).
5. Temu bual dengan Nabir bin Abdullah di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perak pada 13 Oktober 2015. Nabir merupakan seorang bekas Jamaah Tabligh pada tahun 1980-an dan pernah mengikuti rombongan dakwah Tabligh di London. Beliau juga merupakan bekas pensyarah di Jabatan Sejarah, UPSI.
6. Populariti ABIM merosot selepas Anwar Ibrahim direkrut dalam pentadbiran Dr. Mahathir Mohamad (pada ketika itu), Perdana Menteri Keempat. Nabir bin Abdullah pula berpendapat bahawa kemerosotan sistem pondok tidak begitu ketara di Indonesia. Sehubungan itu, pendidikan pondok atau pesantren di Indonesia menjadi tumpuan rakyat di sana untuk mendalami Islam. Sebaliknya, kekurangan sistem pondok di Malaysia menyebabkan sebahagian Muslim di Malaysia mencari alternatif lain untuk mempelajari Islam seperti yang dibawa oleh gerakan Tabligh.
7. Temu bual dengan Maulana Abdul Hamid bin Chin di Sri Petaling, Kuala Lumpur pada 26 Oktober 2015. Beliau merupakan salah seorang Ahli Syura Malaysia di Kuala Lumpur pada tahun 2015. Beliau mula menyertai Tabligh sejak menuntut di Madrasah Sg. Bakap, Pulau Pinang. Walaupun menyertai Tabligh sekitar tahun 1970-an, tetapi beliau mula aktif dengan usaha dakwah apabila meneruskan pengajian di India untuk mendalami ilmu al-Quran dan hadis pada tahun 1980-an. Beliau merupakan ulama yang dirujuk oleh Jamaah Tabligh di Malaysia. Lihat juga *Suara PERKIM*, “Pusat Islam: Sejarah dan Fungsinya” (jil. 1, hlm. 6, 1988).
8. Maulana Abdul Hamid juga merupakan salah seorang pelajar Muslim Malaysia yang mendapat dorongan daripada Ustaz Abdullah Jamaluddin, seorang Jamaah Tabligh yang ditembak mati di Filipina Selatan.
9. Berkenaan tokoh Syura awal yang lain, sila lihat Abdul Rahman (2007, 7).
10. Temu bual dengan Mahani bin Masiran di Ijok, Selangor pada 25 Oktober 2015. Mahani merupakan ahli Tabligh yang aktif pada tahun 1980. Beliau merupakan guru besar di Sekolah Kebangsaan Bukit Hijau, Kuala Selangor, Selangor.
11. Maulana Sa'ad (Amir Tabligh Dunia kini) digelar Maulana sahaja. Namun begitu, nilai hormat ahli Tabligh terhadap beliau sama sahaja seperti Hadratjie sebelum beliau. Hal ini bermakna, faktor peredaran zaman menyebabkan ahli Tabligh lebih cenderung menggelar Amir Tabligh Dunia dengan perkataan hormat “Maulana”.
12. Abdullah Fahim mengenal pasti pembahagian zon seperti berikut: Zon Utara (Pulau Pinang, Perak Utara, Kedah, Perlis), Zon Tengah (Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan, Perak Selatan), Zon Selatan (Singapura, Johor, Melaka) dan Zon Pantai Timur (Kelantan, Terengganu, Pahang).
13. *Malfuzat* merupakan ucapan dari seseorang sufi yang prihatin terhadap nasib masyarakat Muslim. *Malfuzat* Ilyas dikumpul oleh muridnya dan diterbitkan selepas beliau meninggal dunia. Lihat Van Bruinessen dan Howell (2007, 131).

14. Penulisan Abdullah Fahim pada tahun 1983 ini mengenal pasti sembilan buku teks sebagai bahan bacaan pengikut Jamaah Tabligh, majoriti dikarang oleh Ulama Hadis Tabligh, Maulana Zakariyya; antara judul buku tersebut termasuklah *Asli Fadzilat Tabligh, Asli Fadzilat Salat* dan *Asli Fadzilat Zikir*. Kesemua buku tersebut diterjemahkan dalam bahasa Melayu dan lapan daripadanya diterbitkan oleh H.M Yaqoob Ansari, Pulau Pinang. Abdullah Fahim membahagikan metode Tabligh kepada bentuk dakwah, taklim, ibadat dan zikir, dan khidmat. Untuk bacaan lanjut, lihat Abdullah Fahim (1983, 25–29).
Menurut Abdulah Fahim, buku asal *Enam Prinsip Sahabat* adalah dalam versi bahasa Inggeris, iaitu *Six Lesson of Islamic Tabligh*, terjemahan Abdur Rahman Tariq dan diterbitkan di Lahore pada tahun 1976. Buku versi bahasa Inggeris tersebut tidak dinyatakan Abdullah Fahim penerbitnya (Abdullah Fahim 1983, 13). Ganesh Printing Works Sdn. Bhd. pula merupakan penerbit bagi terjemahan dalam versi bahasa Melayu (Abdullah Fahim 1983, 27).
15. Lihat SP.142/16/124, hlm. 1–2. Sumber ini turut menambah satu lagi prinsip, iaitu mengelakkan diri daripada percakapan yang membazir.
16. Walaupun Thomas H. Johnson menyatakan golongan Deoband tidak terikat dengan unsur mistik, namun beliau akui ramai ahli Deoband turut terlibat dalam tariqat. Lihat Johnson (2014, 134–136).
17. Bukti ini dapat dilihat menerusi penulisan Abdullah Fahim pada tahun 1983 yang merekodkan keseluruhan kitab fadhilat karangan Maulana Zakariyya yang diterbitkan oleh H.M Yaakob Ansari, Pulau Pinang; lihat Abdullah Fahim (1983, 28–29).
18. Dakwaan atau laporan berhubung isu Jamaah Tabligh didapati menerusi tinjauan dan wawancara dengan beberapa orang dewasa dan pelajar sekolah menengah atau penuntut universiti secara umum tanpa menjelaskan sama ada ia mengambil kira pandangan sebenar Jamaah Tabligh atau tidak; lihat SP.142/18/89, hlm. 6.
19. Pelajar tersebut merupakan anak kepada Cikgu Mat Zubir yang tinggal di Taman Brown Pulau Pinang; lihat SP.142/18/89, hlm. 5. Beliau meninggalkan pelajarannya untuk mengikuti tabligh. Pelajar tersebut pergi ke India atas desakan kumpulan Tabligh India Muslim. Sumber tersebut juga menyatakan beliau terlantar di India ekoran tiada siapa pun yang menunggunya di sana. Apabila beliau kembali ke Malaysia, beliau menyembunyikan diri daripada masyarakat.
20. Panduan ini boleh didapati dalam bahagian adab-adab Tabligh; lihat Maulana Muhammad Zakariyya (2013, 823).
21. Kitab *Hayatus Sahabah* (Kehidupan Sahabat Rasulullah) dikenal pasti penerbitan versi bahasa Melayunya pada tahun 1983; lihat Abdul Rahman (2007, 205). Hadratjie Maulana Yusof Kandahlawi kemudian menghimpunkan hadis-hadis pilihan berkaitan enam sifat Sahabat menerusi kitab *Hayatus Sahabah* sebanyak tiga jilid. Walau bagaimanapun, beliau tidak sempat menyempurnakan himpunan hadis pilihan kerana meninggal dunia sekitar tahun 1970-an. Oleh itu, Maulana Sa'ad, Amir Tabligh Dunia sekarang telah menyuntingnya dalam bahasa Urdu. Ulama Tabligh di Malaysia seperti Abdul Hamid bin Chin dan Mohammad Razif bin Abdul Wahab di bawah penyeliaan Haji Khalid Mustafa melakukan usaha terjemahan kitab himpunan hadis pilihan tersebut dalam bahasa Melayu. Kitab tersebut dikenali sebagai *Al-Ahadis ul-Muntakhabah*; lihat Syaikh Muhammad Sa'ad Kandahlawi (2013, vii, xvii).

22. Lihat Syaikh Muhammad Sa'ad Kandahlawi (2013, 643). Walaupun penulis memetik hadis ini daripada *Ahadiṣ ul-Muntakhabah*, nota ringkas berkaitan hadis ini dihimpun atau diambil menerusi kitab *Hayatus Sahabah* sudah dijelaskan dalam nota 21.
23. Temu bual dengan Mahani Masiran pada 25 Oktober 2015. Beliau turut menambah, sebelum menjadi ahli politik, Ahmad Awang merupakan seorang tokoh perniagaan.
24. Menurut Maulana Abdul Hamid, Mat Zain Korea masih aktif berdakwah sehingga kini. Beliau berasal dari Kelantan dan terkenal dengan sikap tegas dalam berdakwah.

Rujukan

- 1998/0025942. *Laporan beberapa agensi mengenai Jamaah Tabligh*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- 1998/0025943. *Kesan-kesan Jamaah Tabligh dalam masyarakat*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Abdul Aziz Mat Ton. 2000. *Politik al-Imam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Haji Abdullah. 1997. *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan aliran*. Kuala Lumpur: Gema Insani Press.
- _____. 2007. *Gerakan Islam tradisional di Malaysia: Sejarah pemikiran Jama'at Tabligh dan Darul Arqam*. Shah Alam: Karisma Publication.
- Abdullah Fahim Ab. Rahman. 1983. Kumpulan Jamaah Tabligh. *MASA Jurnal Pusat Penyelidikan Islam Malaysia* 4: 11–30.
- Ahmad Fauzi Abdul Hamid. 2004. The impact of British colonialism on Malaysian Islam: An interpretive account. *Islam and the Modern Age* XXXV(2): 21–46.
- _____. 2009. Transnational Islam in Malaysia. In *Transnational Islam in South and Southeast Asia: Movements, networks, and conflict dynamics*, eds. P. Mandaville et al., 141–165. Seattle: The National Bureau of Asian Research.
- Badlihisham Mohd Nasir. 2015. *ABIM dan PAS dalam gerakan dakwah Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Berita Harian*. 21 March 1992. Tiada bukti untuk haram Tabligh; Kerajaan Johor tunggu kajian JAIJ.
- Farish A. Noor. 2012. *Islam on the move: The Tablighi Jamaat in Southeast Asia*. Amsterdam: Amsterdam University Press. https://doi.org/10.26530/OAPEN_424530
- _____. 2016. *The Malaysian Islamic Party PAS: Islamism in a mottled nation*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Harakah*. 20 March 1992. Haram tabligh: Tokoh dakwah tegur Mufti Melaka.
- Hussin Mutalib. 1990. *Islam and ethnicity in Malay politics*. Singapore: Oxford University Press.
- Johnson, T.H. 2014. Religious figures, insurgency, and jihad in Southern Afghanistan. In *Culture, conflict, and counterinsurgency*, eds. T.H. Johnson and B.S. Zellen, 120–147. Stanford: Stanford University Press. <https://doi.org/10.11112/stanford/9780804785952.003.0006>
- Kahn, J.S. 2003. Islam, modernity, and the popular in Malaysia. In *Malaysia: Islam, society and politics*, eds. V. Hooker and N. Othman, 147–166. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.

- Kamaruzzaman Bustamam-Ahmad. 2015. *From Islamic revivalism to Islamic radicalism in Southeast Asia: A study of Jamaah Tabligh in Malaysia and Indonesia*. Newcastle upon Tyne: Cambridge Scholars Publishing.
- Mahathir Mohamad. 1992. *Dilema Melayu*, trans. Ibrahim Saad. Singapore: Times Book International.
- Maulana Muhammad Zakariyya. 2013. *Kitab himpunan Fadhilat Amal*, trans. Ismail Mat Deris and Muhammad Razif Abdul Wahab. Kuala Lumpur: Maktabah Ilmiah Sdn. Bhd.
- Means, G.P. 2009. *Political Islam in Southeast Asia*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Mohamad Abu Bakar. 1986. Islam and nationalism in contemporary Malay society. In *Islam and society in Southeast Asia*, eds. T. Abdullah and S. Siddique, 155–174. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Muhammad Haniff Hassan. 2007. Explaining Islam's special position and the politic of Islam in Malaysia. *The Muslim World* 97(2): 287–316. <https://doi.org/10.1111/j.1478-1913.2007.00174.x>
- Muhammad Syukri Salleh. 1992. *An Islamic approach to rural development: The Arqam ways*. London: ASOIB International Limited.
- Nagata, J. 1980. Religious ideology and social change: The Islamic revival in Malaysia. *Pacific Affairs* 53(3): 405–439. <https://doi.org/10.2307/2757302>
- _____. 1984. *Reflowering of Malaysian Islam: Modern religious radicals and their roots*. Vancouver: University of British Columbia Press.
- Nazirah Lee. 2014. Transformasi fesyen pakaian Muslim di Semenanjung Tanah Melayu, 1930–1940. *Jurnal Perspektif* 6(3): 68–80.
- Noer, D. 1988. Contemporary political of Islam. In *Islam in Southeast Asia*, ed. M.B. Hooker. Leiden: E.J. Brill.
- Pengasuh*. 22 June 1925. Persekutuan India Muslim-Kelantan.
- Roff, W.R. 2009. *Studies on Islam and society in Southeast Asia*. Singapore: National University of Singapore Press.
- Sajid Abdul Kayum. 2001. Jamaat Tableegh and the Deobandis: A critical analysis of their beliefs, books, and dawah. <http://www.ahya.org/tjonline/> (accessed 20 October 2015).
- Sharifah Zaleha Syed Hassan. 1997. Construction of Islamic identities in a suburban community in Malaysia. *Southeast Asian Journal of Social Science* 25(2): 25–38. <https://doi.org/10.1163/030382497X00158>
- Stange, P. 1992. Religious change in contemporary Southeast Asia. In *The Cambridge history of Southeast Asia: The nineteenth and twentieth centuries*, vol. 2, ed. N. Tarling, 571–577. Cambridge: Cambridge University Press.
- Suara PERKIM*. 1988. Pusat Islam: Sejarah dan fungsinya (vol. 1: 6).
- Syaikh Muhammad Sa'ad Kandahlawi (ed). 2013. *Al-Ahadis ul-Muntakhabah*, trans. Abdul Hamid Chin and Muhammad Razif Abdul Wahab. Kuala Lumpur: Maktabah Ilmiah Sdn. Bhd.
- Syed Husin Ali. 2008. *The Malays: Their problems and future*. Kuala Lumpur: The Other Press.

- Utusan Malaysia.* 14 March 1992. 5000 kakitangan kerajaan, pelajar terlibat tabligh; Inggeris galakkan tabligh untuk lemahkan umat Islam.
- _____. 17 March 1992. Tabligh diteruskan walaupun semua negeri haramkan; MAIK belum ambil sebarang pendirian mengenai kegiatan tabligh di Kelantan.
- _____. 3 April 1992. Umat Islam jangan keliru isu pengharaman Tabligh-Mufti.
- Utusan Melayu.* 16 March 1992. Gerakan tabligh dianggap tak sesuai dengan suasana negara.
- Utusan Zaman.* 15 March 1992. Tabligh-Dakwah sesat?
- Van Bruinessen, M. and Howell, J.D. 2007. *Sufism and the “modern” in Islam*. New York: I.B. Tauris.
- Van der Putten, J. 2010. Negotiating the great depression: The rise of popular culture and consumerism in early-1930s Malaya. *Journal of Southeast Asian Studies* 41(1): 21–45. <https://doi.org/10.1017/S0022463409990245>
- Weiss, M.L. 2011. *Student activism in Malaysia: Crucible, mirror, sideshow*. Singapore: National University of Singapore Press.
- Zainah Anwar. 1987. *Islamic revivalism in Malaysia: Dakwah among the students*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.